

Headline **Guna Internet tawar pakej**
Date **04 Jul 2010**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **212 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,540**
PRValue **7,620**



Laman web permudahkan pasangan bernikah di Thailand

Guna Internet tawar pakej

KUALA LUMPUR - Kewujudan ejen-ejen tempatan yang menguruskan perkahwinan pasangan Islam secara rahsia dipercayai punca semakin ramai rakyat tempatan termasuk selebriti dan orang kenamaan bernikah di selatan Thailand.

Tinjauan *Kosmo! Ahad* mendapati, terdapat pelbagai laman web memaparkan pakej yang ditawarkan oleh ejen tersebut berpusat di Perak dan Lembah Klang tanpa memerlukan pasangan terbabit menguruskannya sendiri di selatan Thailand.

Dengan kadar bayaran di antara RM1,000 hingga RM3,000, rakyat negara ini yang mahu bernikah di Songkhla, Narathiwat, Yala dan Patani diuruskan sepenuhnya oleh ejen tersebut di negara ini.

Pakej tersebut meliputi perkhidmatan pengangkutan, khidmat membeli-belah selepas bernikah, memastikan memperoleh sijil nikah daripada majlis agama dan Konsulat Malaysia di Thailand dalam sehari dan pelbagai lagi. Antara laman web berkenaan ialah http://wan****.blogspot.com.

Menurut Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla, Mohd. Aini Atan, sebanyak 999 daripada 1,321 permohonan yang diterimanya dari Januari hingga Mei tahun ini melibatkan rakyat Malaysia yang berkahwin sesama negara.

Beliau berkata, bakinya iaitu 186 kes melibatkan pasangan Malaysia-Thailand, Malaysia-Indonesia (19), Malaysia-Pakistan (18) dan Malaysia-Bangladesh dua kes.

“Statistik juga menunjukkan terdapat trend peningkatan perkahwinan rakyat Malaysia di sempadan bermula 73 kes pada 2001 sehingga kepada 2,172 kes tahun lepas.

“Dianggarkan kira-kira 100 pasangan Malaysia bernikah setiap bulan di Thailand iaitu paling tinggi berbanding pasangan negara jiran,” katanya kepada *Kosmo Ahad!*

Beliau menambah, faktor lain ramai rakyat Malaysia memilih untuk berkahwin di Siam adalah kerana pasangan tidak perlu membawa wali dan sijil kebenaran berkahwin daripada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Katanya, pasangan juga tidak perlu membawa sijil kursus kahwin serta tidak perlu membawa sijil bebas HIV manakala wang hantaran tidak diperlukan.

Info Syarat berpoligami

- Semua negeri menetapkan syarat bagi mereka yang hendak berpoligami supaya mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Syariah di negeri masing-masing terlebih dahulu.
- Semua negeri juga menetapkan mereka yang hendak berpoligami akan ditemu duga kelayakan mereka terutama dari segi kewangan.
- Semua ejen juga menetapkan apabila menerima permohonan, mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada dan sebagainya, bakal isteri, wali kepada bakal isteri bagi memberi keterangan mengenai perkahwinan tersebut.